

U B892 BAH  
MAHATHIR - PAS

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) SEDIA BEKERJASAMA DENGAN PAS SEKIRANYA PARTI ITU TIDAK MENGENAKAN BERBAGAI-BAGAI SYARAT.

+KITA RELA BERKERJASAMA DENGAN SEMUA PIHAK TETAPI JANGANLAH HENDAK MENGENAKAN SYARAT ITU DAN INI+, KATANYA SEMASA DITEMURAMAH OLEH PARA PEMBERITA SELEPAS BN DIIBYTIHARKAN MENGEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA.

BELIAU BERKATA DALAM BN SUDAH ADA PENDIRIAN, IAITU MANA-MANA KUMPULAN KECIL YANG INGIN MENYERTAINYA MESTILAH MEMATUHI SUARA RAMAI.

SEBELUM PILIHAN RAYA, BERBAGAI-BAGAI PERTUBUHAN DAN GOLONGAN CENDIKIAWAN MELAYU DAN ISLAM MENCADANGKAN SUPAYA PAS DAN UMNO MENCARI JALAN UNTUK BERKERJASAMA DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA. --  
BERNAMA

0527MST 22 10 90